

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/1992

Mac/April 1992

JHH 355 - Dunia Islam Pada Zaman Moden

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab EMPAT (4) soalan sahaja. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip akan diberi markah.

...2/-

1. Bincangkan tentang dasar perjuangan Gerakan al-Mahdi di Sudan dan ulaskan mengapa ia berjaya untuk menewaskan pentadbiran Inggeris-Mesir antara tahun 1881 - 1885.
(100 markah)
2. Bincangkan tentang sumbangan Syah Waliyullah Dehlavi dalam program pembaharuan di Benua Kecil India.
(100 markah)
3. Ulaskan tentang proses sekularisasi di Turki dengan melihat kepada program pembaharuan yang dilaksanakan oleh Mustaffa Kama (Ataturk).
(100 markah)
4. Maududi bukan sahaja seorang pemikir, tetapi dia juga merupakan seorang aktivis Islam yang gigih di India dan kemudiannya di Pakistan serta dunia antarabangsa. Setujukah anda?
(100 markah)
5. Gerakan Wahhabi bermula sebagai satu gerakan untuk memurnikan Islam di Semenanjung Tanah Arab. Tetapi mengapa ia bertembung dengan Kerajaan Turki 'Uthmaniyah'?
(100 markah)
6. Mengapakah Snouck Hurgronje menjadi begitu terkenal dalam sejarah moden Indonesia?
(100 markah)
7. Zionisme adalah satu gagasan politik yang bercorak perkauman. Bincangkan tujuan perjuangan Zionisme dan ulaskan mengapa ia mendapat sokongan daripada kuasa-kuasa besar.
(100 markah)
8. Nilaikan program perjuangan Gerakan Muhammadiyah di Indonesia.
(100 markah)

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/1992

Mac/April 1992

JHH 356 - Sejarah Politik Moden Malaysia

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab TIGA soalan sahaja: SATU soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C.

...2/-

BAHAGIAN A

1. Mengikuti pandangan Michael Stenson, dasar British terhadap Semenanjung Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua masih pada pokoknya bersifat imperialisme. Bincangkan sejauh manakah anda setuju dengan pandangan ini dengan rujukan khas kepada perubahan perlembagaan yang diusahakan oleh pihak British antara 1946 dan 1950.

(100 markah)

2. Sejauh manakah perubahan politik yang berlaku akibat daripada campurtangan British di negeri-negeri Melayu sejak Perjanjian Pangkor boleh dianggap telah meletakkan asas sebuah negara moden?

(100 markah)

BAHAGIAN B

3. Mengikuti pandangan Cheah Boon Kheng pemikiran politik tradisional merupakan rintangan utama kepada kebangkitan nasionalisme Melayu iaitu suatu perjuangan politik yang menegakkan kedaulatan rakyat Melayu. Setujukah anda? Mengapa?

(100 markah)

4. Setujukah anda dengan pandangan bahawa pergerakan PUTERA-AMCJA wajar dianggap sebagai permulaan nasionalisme Persekutuan Tanah Melayu kerana pergerakan itulah yang telah buat pertama kalinya menegakkan kedaulatan satu bangsa bersama bagi semua penduduk yang boleh dan akan menjadi rakyat Persekutuan?

(100 markah)

5. Apakah politik masyarakat Kadazan selepas 1963 lebih tepat dilihat sebagai satu proses penyesuaian dengan politik pilihanraya dalam keadaan satu masyarakat berbilang kaum dan bukannya sebagai satu pergerakan nasionalisme Kadazan?

(100 markah)

...3/-

BAHAGIAN C

6. Setujukah anda dengan pandangan bahawa krisis politik yang berterusan di negeri Sarawak antara 1963 dan 1970 adalah kerana pemimpin tempatan terlalu cenderung mencabar kerajaan pusat akibat hasrat ingin menegakkan autonomi negeri. Mengapa?

(100 markah)

7. Setujukah anda dengan pandangan Ongkili bahawa faktor asas yang paling utama yang membawa kepada pemisahan Singapura daripada Malaysia ialah ketegangan antara kaum? Mengapa?

(100 markah)

0000000

